



25 Julai 2023
25 July 2023
P.U. (A) 225

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KASTAM (DUTI ANTI-LAMBAKAN) (KAJIAN SEMULA PENTADBIRAN) 2023

CUSTOMS (ANTI-DUMPING DUTIES) (ADMINISTRATIVE REVIEW) ORDER 2023

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967
PERINTAH KASTAM (DUTI ANTI-LAMBAKAN) (KAJIAN SEMULA PENTADBIRAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 28 Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*] dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Pentadbiran) 2023**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 27 Julai 2023 hingga 26 Julai 2028.

Duti anti-lambakan

2. (1) Duti anti-lambakan hendaklah dilevi terhadap dan dibayar oleh pengimport berkenaan dengan barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual yang dieksport dari negara yang dinyatakan dalam ruang (3) ke dalam Malaysia oleh pengeluar atau pengeksport yang dinyatakan dalam ruang (4) pada kadar yang dinyatakan dalam ruang (5).

(2) Walau apa pun subperenggan 2(1), duti anti-lambakan tidak dikenakan ke atas barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual yang dieksport dari—

(a) Republik Korea oleh pengeluar atau pengeksport Hyundai BNG Steel Co., Ltd. dan Hyundai Steel Company; dan

(b) *Chinese Taipei* oleh pengeluar atau pengeksport Chia Far Industrial Factory Co., Ltd. dan Yieh United Steel Corporation.

Pembayaran duti anti-lambakan

3. Duti anti-lambakan yang kena dibayar di bawah Perintah ini hendaklah dibayar secara tunai.

Penjenisan barang-barang

4. (1) Penjenisan barang-barang yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah mematuhi Rukun Tafsiran Am Sistem Berharmonis di bawah Konvensyen Antarabangsa Sistem Deskripsi Komoditi Harmonis dan Pengkodan dalam Perintah Duti Kastam 2022 [*P.U. (A) 114/2022*].

(2) Nombor kepala atau subkepala yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual diperuntukkan bagi kemudahan rujukan dan tidak mempunyai kesan mengikat terhadap penjenisan barang-barang yang diperihalkan dalam ruang (2).

Kesan terhadap duti import dan cukai jualan

5. Pengenaan duti anti-lambakan di bawah Perintah ini tidaklah menjejaskan pengenaan dan pemungutan—

(a) duti import di bawah Akta Kastam 1967; dan

(b) cukai jualan di bawah Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*].

JADUAL

[Perenggan 2]

DUTI ANTI-LAMBAKAN

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
Nombor Kepala/ Subkepala	Perihal Barang-Barang	Negara	Pengeluar/ Pengeksport	Kadar Duti [Peratusan (%) daripada Nilai Kos, Insurans dan Tambang (KIT)]
7219.31.00 00, 7219.32.00 00, 7219.33.00 00, 7219.34.00 00, 7219.35.00 00, 7220.20.10 00, dan 7220.20.90 00	Keluli tahan karat gulungan sejuk dalam bentuk gegelung, kepingan atau apa-apa bentuk lain dengan ketebalan antara 0.3 milimeter hingga 6.5 milimeter dan kelebaran tidak lebih daripada 1,600 milimeter, tidak termasuk:	Republik Rakyat China	Shanxi Taigang Stainless Steel Co., Ltd.	2.68%
			Lain-lain	23.95%
		Republik Korea	POSCO	4.44%
			Lain-lain (kecuali Hyundai BNG Steel Co., Ltd. dan Hyundai Steel Company)	7.27%
	(i) keluli tahan karat gulungan sejuk dengan kemasan sepuh lindap berkilat (BA), No. 8 (Kemasan Cermin), timbul, keras, gores atau berwarna; atau	<i>Chinese Taipei</i>	Tang Eng Iron Works Co., Ltd.	7.78%
			Walsin Lihwa Corporation	2.79%

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
Nombor Kepala/ Subkepala	Perihal Barang-Barang	Negara	Pengeluar/ Pengeksport	Kadar Duti [Peratusan (%) daripada Nilai Kos, Insurans dan Tambang (KIT)]
	(ii) keluli tahan karat gulungan sejuk dengan nilai kekerasan melebihi 250HV		Lain-lain (kecuali Chia Far Industrial Factory Co., Ltd. dan Yieh United Steel Corporation)	14.02%
		Thailand	POSCO-Thainox	22.86%
			Lain-lain	111.61%

Dibuat 25 Julai 2023

[SULITKE.HT(96)669/12-249Klt.12 Sk.7; MOF.TAX(S) 700-4/1/672 Jld.2; PN(PU2)338D/JLD.7]

ANWAR BIN IBRAHIM
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 11(2) Akta Kastam 1967]

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993 AND CUSTOMS ACT 1967
CUSTOMS (ANTI-DUMPING DUTIES) (ADMINISTRATIVE REVIEW) ORDER 2023

IN exercise of the powers conferred by section 28 of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [*Act 504*] and subsection 11(1) of the Customs Act 1967 [*Act 235*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Customs (Anti-Dumping Duties) (Administrative Review) Order 2023**.

(2) This Order has effect for the period from 27 July 2023 until 26 July 2028.

Anti-dumping duties

2. (1) Anti-dumping duties shall be levied on and paid by the importers in respect of the goods specified in columns (1) and (2) of the Schedule exported from the country specified in column (3) into Malaysia by the producer or exporter specified in column (4) at the rates specified in column (5).

(2) Notwithstanding subparagraph 2(1), anti-dumping duties shall not be imposed on the goods specified in columns (1) and (2) of the Schedule exported from—

(a) Republic of Korea by producers or exporters Hyundai BNG Steel Co., Ltd. and Hyundai Steel Company; and

(b) Chinese Taipei by producers or exporters Chia Far Industrial Factory Co., Ltd. and Yieh United Steel Corporation.

Payment of anti-dumping duties

3. The anti-dumping duties payable under this Order shall be paid in cash.

Classification of goods

4. (1) The classification of goods specified in the Schedule shall comply with the General Rules for the Interpretation of the Harmonized System under the International Convention on the Harmonized Commodity Description and Coding System in the Customs Duties Order 2022 [*P.U. (A) 114/2022*].

(2) The heading or subheading numbers specified in column (1) of the Schedule are provided for ease of reference and have no binding effect on the classification of goods described in column (2).

Effect on import duties and sales tax

5. The imposition of anti-dumping duties under this Order is without prejudice to the imposition and collection of—

(a) import duties under the Customs Act 1967; and

(b) sales tax under the Sales Tax Act 2018 [*Act 806*].

SCHEDULE

[Paragraph 2]

ANTI-DUMPING DUTIES

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
Heading/ Subheading Numbers	Description of Goods	Country	Producer/ Exporter	Rate of Duties [Percentage (%) of the Cost, Insurance and Freight (CIF) Value]
7219.31.00 00, 7219.32.00 00, 7219.33.00 00, 7219.34.00 00, 7219.35.00 00, 7220.20.10 00, and 7220.20.90 00	Cold rolled stainless steel in coils, sheets or any other form with thickness between 0.3 millimetres to 6.5 millimetres and width of not more than 1,600 millimetres, excluding:	People's Republic of China	Shanxi Taigang Stainless Steel Co., Ltd.	2.68%
			Others	23.95%
		Republic of Korea	POSCO	4.44%
			Others (except Hyundai BNG Steel Co., Ltd. and Hyundai Steel Company)	7.27%
	(i) cold rolled stainless steel with bright annealed (BA), No. 8 (Mirror Finish), embossed, rigidised, etched or coloured finishes; or	Chinese Taipei	Tang Eng Iron Works Co., Ltd.	7.78%
	(ii) cold rolled stainless steel with hardness value of more than 250HV		Walsin Lihwa Corporation	2.79%
			Others (except Chia Far Industrial Factory Co., Ltd. and Yieh United Steel Corporation)	14.02%

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
Heading/ Subheading Numbers	Description of Goods	Country	Producer/ Exporter	Rate of Duties [Percentage (%) of the Cost, Insurance and Freight (CIF) Value]
		Kingdom of Thailand	POSCO-Thainox	22.86%
			Others	111.61%

Made 25 July 2023

[SULITKE.HT(96)669/12-249Klt.12 Sk.7; MOF.TAX(S)700-4/1/672 Jld.2; PN(PU2)338D/JLD.7]

ANWAR BIN IBRAHIM
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 11(2) of the Customs Act 1967]